



MOHD Harun (tengah) bersama Kassim (kiri) dan Mohd Asyraaf semasa sidang media di UMS kelmarin.

UMS tuan rumah Kejohanan Taekwondo Universiti Asia

Oleh VITALIS G BINGKASAN

vbingkasan@yahoo.com

UD 25-09-2012 A16

KOTA KINABALU: Buat julung kalinya Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menjadi tuan rumah Kejohanan Taekwondo Universiti Asia Kali Ketiga 2012 pada 11-13 Oktober depan.

Naib Canselor UMS Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) telah memberi mandat kepada UMS yang juga Pusat Kecemerlangan Sukan Taekwondo untuk menjadi tuan rumah kejohanan yang disertai 12 negara tersebut.

Negara yang mengambil bahagian tersebut terdiri dari Brunei, China, Filipina, Indonesia, Iran, Kazakhstan, Lebanon, Mongolia, Nepal, Singapura, Thailand dan Malaysia selaku tuan rumah.

Ianya dijangka melibatkan penyertaan seramai 141 atlet dan pegawai.

"Pemilihan UMS sebagai

tuan rumah merupakan satu penghormatan. Saya harap kita bukan sahaja akan menjadi penganjur yang baik tetapi atlet kita juga boleh menang pingat terutamanya atlet dari UMS sendiri," katanya dalam satu sidang media di UMS kelmarin.

Menurutnya, tiga atlet UMS adalah antara yang akan membawa cabaran Malaysia pada kejohanan yang akan berlangsung di Dewan Canselor selama tiga hari tersebut iaitu Yeo Kok Siong, Mohd Fakhrur Razi Sazali dan Raymond Toh Meng Hui.

Mereka akan bergandingan untuk membawa cabaran negara dalam acara Poomsae berpasukan lelaki.

Dikatakan bahawa Malaysia akan mengambil bahagian dalam semua acara yang dipertandingkan.

Kejohanan itu mempertandingkan bahagian lelaki dan wanita 11 kategori Kyorugi (sparing) dan tiga kategori Poomsae (pattern).

Kategori Kyorugi terdiri dari Fin Weight, Fly Weight,

Bantam Weight, Feather Weight, Light Weight, Welter Weight, Middle Weight dan Heavy Weight.

Kategori Poomsae pula terdiri dari individu, berpasukan (tiga sepasukan) dan pasangan campuran.

Kejohanan itu kali pertama dianjurkan di Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada 2010 disusuli di Kazakhstan tahun lalu sebelum beralih ke Malaysia tahun ini.

Di Kazakhstan tahun lalu, Malaysia sekadar membawa balik satu perak dan satu gangsa.

Ia merupakan salah satu kejohanan berprestij kerana kebanyakan negara diwakili atlet kebangsaan.

Turut bersama dalam sidang media tersebut adalah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Prof Madya Datuk Dr Hj Kasim Hj Md Mansur yang juga Pengerusi MASUM dan Presiden Majlis Sukan Universiti ASEAN serta Pengarah Pusat Sukan UMS Mohd Asyraaf Fong Abdullah.